

19/11/1997

Pelancong diramal terus berkurangan

MELAKA, Selasa - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan meramalkan jumlah pelancong asing yang datang ke negara ini akan terus berkurangan sehingga akhir tahun ini.

Ini berikutan kekurangan bilangan pelancong asing sejak jerebu beberapa bulan lalu akan terus kekal di samping ancaman bunuh terhadap rakyat Amerika Syarikat di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid, berkata masalah itu sukar diatasi kerana kementerian tidak boleh melakukan apa-apa untuk menarik pelancong luar datang ke Malaysia dalam tempoh dua bulan ini.

Katanya, walaupun jumlah kekurangan kedatangan pelancong asing tidak diketahui, peratus penurunan itu adalah tinggi.

Menurutnya, mulai tahun depan kementerian itu dengan kerjasama semua kementerian lain, akan mengadakan promosi besar-besaran untuk menarik kedatangan pelancong ke negara ini.

"Kerjasama ini diharap dapat membantu menaikkan semula imej negara di mata dunia, sekali gus menarik lebih ramai pelancong asing ke sini," katanya selepas Mesyuarat Kumpulan Kerjasama Asean-COCI mengenai Pengajian dan Kesusasteraan Asean kali ke-13, yang dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin di sini, hari ini.

Tengku Alaudin berkata, walaupun pejabat kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur mengarahkan rakyatnya di negara ini berhati-hati berikutan ancaman bunuh yang diterima tempoh hari, masih ada rakyat negara itu yang berkunjung ke negara ini.

Katanya, tidak semua rakyat Amerika percaya dengan ancaman itu, ditambah lagi dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini bahawa ancaman itu sebenarnya tidak ada.

Beliau berkata, kementerian seringkali menerima surat daripada pelancong Amerika yang mengucapkan terima kasih kerana layanan mesra yang diterima sewaktu berada di negara ini.

Menurutnya, kejatuhan nilai mata wang ringgit Malaysia sebenarnya membawa kesan positif kerana orang ramai, terutama pelancong luar lebih mudah berbelanja.

"Kejatuhan nilai ringgit ini menyebabkan pelancong dapat membeli barangan tempatan dengan lebih murah," katanya.

Dalam pada itu, Tengku Alaudin berkata, sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan tahun ini, diberi tugas menyemak segala berita atau laporan yang disiarkan menerusi Internet.

Menurutnya, ada antara laporan negatif mengenai negara ini yang ditulis oleh media asing dan juga rakyat tempatan, perlu dimaklumkan kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik supaya tindakan susulan dapat diambil.

Katanya, jawatankuasa itu akan meneliti Internet setiap hari dan jika perlu, menjawab segala laporan yang dianggap kurang tepat atau yang memburukkan imej negara ini.

"Ketika ini, menteri dan beberapa pegawai kementerian berada di London kerana menghadiri Mesyuarat Pelancongan Sedunia dan kesempatan ini akan digunakan untuk memberitahu keadaan sebenar di Malaysia kepada media asing," katanya.

(END)